

27 JUN 2000

DR MAHATHIR RASMI PERSIDANGAN MENTERI LUAR NEGARA-NEGARA ISLAM

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan sesi ke-27 Persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam (ICFM) di sini hari ini ketika negara-negara Islam menghadapi cabaran globalisasi pada alaf baru.

Kira-kira 1,000 perwakilan dari negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) menghadiri mesyuarat empat hari itu yang bertemakan "Islam dan Globalisasi".

Ini adalah kali kedua Malaysia menjadi tuan rumah kepada persidangan itu, kali pertama pada 1974.

Upacara perasmian itu disiarkan secara langsung oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) ke Brunei, Turki, Filipina, Iran dan Associated Press Television News yang berpejabat di London memancarkannya ke benua Eropah.

Sebanyak 400 wakil media dan wartawan membuat liputan persidangan itu.

OIC, yang ditubuhkan pada 1969, mengandungi 56 negara anggota dan empat negara pemerhati termasuk Bosnia dan Herzegovina.

-- BERNAMA

AZZ AKD